

BAB PERTAMA

BAB I

LATAR BELAKANG PENTADBIRAN HARTA PUSAKA ORANG– ORANG ISLAM DI MALAYSIA

Pentadbiran undang-undang pusaka di Tanah Melayu amnya dan di Kelantan khususnya mengalami beberapa era perubahan. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu banyak mempengaruhi pemerintahan kerajaan Melayu pada ketika itu dan amalan masyarakatnya termasuk amalan pembahagian pusaka. Namun undang-undang perwarisan Islam berasaskan hukum faraid yang dijalankan masih terikat dengan adat-adat Melayu atau 'adat kampung' yang banyak bergantung kepada kaedah muafakat.¹

Sebelum kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu, perundungan yang berkaitan dengan harta pusaka adalah berdasarkan kepada undang-undang Islam dan adat setempat. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah menjadikan syariat Islam dijadikan sebagai asas budaya hidup masyarakat tempatan. Terdapat di sesetengah tempat terutamanya di Negeri Sembilan dan daerah Naning di Melaka, masyarakat di sana terus berpegang kepada adat Melayu iaitu adat Perpatih.²

Kesan daripada penjajahan Inggeris telah mengakibatkan pengaruh perundangan Islam di negeri-negeri Melayu kian terhakis. Akta-akta dan enakmen-enakmen yang diperkenalkan telah mengubah sistem pentadbiran pusaka orang-orang Islam yang sedia ada. Campurtangan penjajah di Kelantan telah memberi kuasa pentadbiran harta pusaka mengikut hukum Islam kepada Mahkamah Sivil. Walaupun demikian pembahagian pusaka masih diberi alternatif kepada orang-orang Islam menggunakaninya.

Keadaan ini berterusan sehingga Malaysia mencapai kemerdekaan di mana dalam Perlembagaan Malaysia, perakuan faraid, penentuan wasiat dan pemberian hibah hanya terletak di bawah peruntukan tentang bidangkuasa Mahkamah Syariah sahaja.³ Manakala Mahkamah Sivil dan Pejabat Tanah berhak untuk membicarakan dan mengeluarkan perintah pembahagian pusaka harta tanah orang-orang Islam.

1.1 Sebelum Kedatangan Inggeris

Terdapat dua bentuk hukum yang digunakan bagi mentadbir atau mengurus pembahagian harta pusaka orang-orang Islam sebelum kedatangan Inggeris iaitu berdasarkan hukum pusaka Islam dan hukum

pusaka adat. Umumnya undang-undang adat yang diamalkan oleh orang-orang Melayu dalam hal berkaitan dengan pengurusan harta pusaka boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu Undang-Undang Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan dan Melaka dan Undang-Undang Adat Temenggong yang merupakan undang-undang utama bagi negeri-negeri di Tanah Melayu.

Pada asalnya undang-undang pewarisan harta bagi orang-orang Melayu adalah mengikut adat berasaskan adat tempatan yang terdapat di Sumatera iaitu dari Minangkabau dan Palembang. Di Minangkabau, susunan suku bangsa berasaskan matrilineal telah menjadi sistem undang-undang tidak bertulis yang dinamakan Adat Perpatih. Adat Perpatih ini dibawa masuk ke Negeri Sembilan oleh orang-orang Minangkabau pada akhir abad ke empat belas. Adalah dipercayai bahawa seorang pengembang agama yang bernama Syeikh Ahmad menjadi perintis jalan yang membuka peluang kepada anak-anak Minangkabau untuk datang ke Semenanjung. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1476 Masehi dan kuburnya masih terdapat di Sungai Ujung Tinggi.⁴

Dasar bagi adat ini menggalurkan keturunan dari nasab sebelah ibu, pihak perempuan sebagai pewaris harta dan individu-individu yang menjadi anggota-anggota sesuatu suku telah dibenarkan berkahwin antara satu sama lain. Sistem kepimpinannya adalah berlandaskan kepada sistem kekeluargaan di mana pemimpin dilantik dari bawah.⁵

Mengikut konsep umum Adat Perpatih, sistem pentadbiran dan perwarisan harta adalah berdasarkan sistem perwarisan kolektif, iaitu setiap waris tidak mempunyai hak milik ke atas harta pusaka tetapi hanya mempunyai hak menggunakaninya.⁶ Prinsip yang dipegang di dalam adat Perpatih mengenai perwarisan harta sebagaimana kenyataan berikut :

*Susur galur adat berpusat kepada perempuan, seorang lelaki adalah ahli bagi suku ibunya sehingga melalui perkahwinan ia diterima dalam suku isterinya. Tanah boleh dipunyai oleh perempuan sahaja. Perempuan tidak boleh berhijrah, suaminya tinggal di kampung isterinya, tetapi tidak sebaliknya.*⁷

Sistem pembahagian pusaka harta Adat perpatih adalah mengikut hukum Adat Perpatih sepenuhnya dan tidak dipengaruhi oleh hukum Islam terutama yang berkaitan dengan tanah. Harta merupakan hak bersama suku dan semua pusaka akan diturunkan kepada anak-anak perempuan sahaja. Mengikut E.N. Taylor :

*"Semua harta benar adalah kepunyaan suku; ia terletak di tangan anak-anak perempuan tetapi mereka memegangnya sebagai pemegang amanah bagi sukunya, lebih daripada sebagai pemilik.*⁸

Di Palembang, Adat Temenggong yang diamalkan oleh negeri-negeri Melayu lain selain Negeri Sembilan berasal dari punca yang sama dengan Adat Perpatih tetapi adat itu telah berubah corak di bawah pengaruh Hindu dan kuasa raja.

Berbeza dengan Adat Perpatih, Adat Temenggong mengamalkan prinsip patrilineal iaitu menggalurkan nasab melalui sebelah bapa dan pewarisan harta adalah lebih kepada anak lelaki diambil dari sistem pemerintahan beraja yang galur nasab seseorang raja adalah dari sebelah bapa.

"Istilah Adat Temenggong sahaja tidak digunakan disini kerana Adat Temenggong itu sendiri bukanlah adat tempatan. Adat Temenggong berasal dari penganut sistem beraja yang berkaitan dengan peradaban India. Sekiranya diperkatakan kepada sistem kekeluargaan maka menyimpanglah keterangan atau kenyataan yang menyebut bahawa adat yang diamalkan oleh orang-orang Melayu adalah berasaskan sistem kekeluargaan".⁹

Dengan yang demikian, Adat Perpatih dan Adat Temenggong yang bertentangan itu disatukan kembali melalui kisah-kisah yang ditokok tambah sebagaimana yang terdapat dalam tambo-tambo. Datuk Perpatih disebut sebagai adik kepada Datuk Temenggong. Mereka dikatakan adik-beradik seibu. Datuk Perpatih berbapakan seorang rakyat biasa, sedangkan Datuk Temenggong berbapakan raja. Kenyataan yang menunjukkan Datuk Perpatih berbapakan seorang biasa jelas menunjukkan bahawa adat yang dikatakan sebagai Adat Perpatih itu adalah adat asli orang-orang Minangkabau atau rakyat. Adat ini tercabar dengan kedatangan adat baru yang dibawa oleh orang-orang Melayu iaitu orang-orang yang sudah mengamalkan sistem beraja. Datuk Temenggong berbapakan seorang berketurunan raja jelas menunjukkan bahawa adat

yang dikenal sebagai Adat Temenggong itu adalah adat dalam sistem beraja, sebagaimana yang diamalkan oleh orang-orang dan kerajaan Melayu.¹⁰

Undang-undang yang berasaskan Adat Temenggong ini telah diubahsuai oleh undang-undang Islam pada kira-kira abad ke 14 dan diamalkan di sebahagian besar negeri-negeri Tanah Melayu.

Perlaksanaan undang-undang Islam pada abad ke-15, 16, dan 17 Masih dapat dilihat hasil penemuan teks undang-undang yang dijadikan rujukan pentadbiran kerajaan khususnya di Melaka, Terengganu, Johor, Kelantan, Kedah dan Pahang. Di dalam teks-teks tersebut tidak dapat dipastikan sejauhmanakah pengurusan harta pusaka dilaksanakan pada masa tersebut. Adalah dipercayai sistem perwarisan yang berasaskan sistem faraid yang lebih cenderung kepada mazhab Syafie telah diamalkan di samping mengekalkan beberapa aspek adat Melayu di dalam pengurusan harta pusaka seperti harta sepencarian dan sebagainya.¹¹

Walaupun begitu, undang-undang perwarisan Islam tidak diamalkan sepenuhnya dalam pentadbiran pusaka dan masih terikat dengan adat terutamanya dalam kes melibatkan hak janda dan perempuan yang diceraikan di negeri-negeri Melayu lain.¹² Pada tahun 1886, Majlis

Mesyuarat Negeri telah memutuskan tanah kepunyaan pembesar negeri, Tengku Long Jaafar di tukarkan nama kepada waris-waris perempuan.¹³

Hukum faraid Islam tetap dijadikan asas di dalam amalan pembahagian harta pusaka orang Islam sejak dahulu lagi. Sebagai contoh, di dalam kes *Re Timah binti Abdullah Decd.*,¹⁴ mahkamah memutuskan mengikut undang-undang Islam, di mana seseorang yang bukan Islam adalah terhalang daripada menerima bahagiannya walaupun asalnya dia adalah seorang ahli waris. Hal ini adalah selaras dengan hukum faraid Islam yang menghalang pemilikan harta pusaka di kalangan ahli waris yang bukan beragama Islam.

Menurut pengkaji sejarah, undang-undang Islam yang diamalkan di Tanah Melayu sebelum kedatangan Inggeris merupakan undang-undang Islam yang bercampur aduk dengan undang-undang adat Melayu,¹⁵ terutamanya di dalam hal-hal yang berkaitan dengan harta dan pusaka.

Umumnya kaedah pembahagian pusaka secara muafakat dipraktikkan di dalam amalan masyarakat Melayu setelah mendapat keizinan daripada keseluruhan ahli waris. Hal ini dapat dilihat sekiranya di dalam kes yang terdapat isteri si mati bersama anak-anaknya. Isteri si mati tersebut akan mendapat lebih banyak daripada bahagian 1/8 yang telah diperuntukkan di dalam hukum faraid Islam.¹⁶

Walaupun amalan ini merupakan suatu adat yang diterimakan oleh masyarakat zaman dahulu tetapi ianya tetap bertepatan dengan kehendak syarak. Kebenaran daripada ahli waris dan persetujuan mereka menjadi pra-syarat bagi kesahihan pembahagian harta pusaka secara muafakat.¹⁷

1.2 Zaman Semasa Kedatangan Inggeris

Setelah kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu maka bermulalah suatu era baru dalam sistem perundangan dan pentadbiran pusaka di Tanah Melayu. Kedatangan Inggeris yang mempengaruhi sistem perundangan dan pentadbiran meninggalkan kesan terhadap sistem perundangan Malaysia. Kesan campurtangan Inggeris di dalam pentadbiran pusaka orang-orang Islam ini berbeza di antara pentadbiran di Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Walaupun begitu pada peringkat awal, peranan kadi tetap diteruskan. Kadi tetap menjadi tempat rujukan utama untuk menyelesaikan masalah pembahagian pusaka orang-orang Islam. Ini disebabkan pada masa tersebut undang-undang Islam merupakan dasar dan amalan perundangan utama umat Islam.

1.2.1 Pentadbiran Pusaka di Negeri-Negeri Selat

Dengan pertapakan Inggeris di Pulau Pinang pada tahun 1786, Inggeris telah memperkenalkan Piagam Keadilan Pertama di Tanah Melayu pada tahun 1807 yang memberi kuasa kepada Mahkamah Sivil untuk melaksanakan undang-undang Inggeris sepetimana yang dijalankan di England pada ketika itu.¹⁸ Kemudiannya Piagam Keadilan Kedua diperkenalkan pada tahun 1826 bagi meluaskan lagi penggunaan Undang-undang Inggeris di negeri-negeri Selat pada ketika itu termasuk Melaka dan Singapura.¹⁹

Inggeris mula campurtangan di dalam urusan pentadbiran pusaka orang-orang Islam melalui keputusan-keputusan mahkamah seperti di dalam kes *In the goods of Abdullah*²⁰ pada tahun 1835. Di dalam kes ini, si mati, Abdullah telah mewasiatkan keseluruhan hartanya kepada isterinya. Selepas Abdullah meninggal dunia waris-warisnya yang lain tidak bersetuju dengan wasiat tersebut dan membawa kes ke mahkamah. Hakim memutuskan isteri tersebut berhak mendapat kesemua harta itu dengan berpandukan kepada Piagam Keadilan I berteraskan undang-undang Inggeris dan sekaligus membelakangkan undang-undang Islam yang menghalang pemberian melalui wasiat lebih daripada satu pertiga harta pusaka si mati.²¹

Pada tahun 1855, Piagam Keadilan Ke-3 telah diluluskan. Inggeris juga pertama kali memperkenalkan undang-undang perwarisan harta pusaka seperti yang dikuatkuasakan di India pada masa itu dengan memperkenalkan "*Statute of Distribution*" England bagi pusaka yang tidak berwasiat. Peruntukan ini telah digunakan di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura tanpa mengira bangsa.

Menurut "*Statute of Distribution*", hakim Mahkamah Agung di negeri-negeri Selat diberi kuasa seperti kuasa hakim di bawah The Supreme Court Ordinance of Straits Settlements 1868.²² Hakim-hakim diberi kuasa mengeluarkan surat probet serta menetapkan acara sivil mengenai kaedah-kaedah wasiat dan pusaka.

Antara undang-undang terawal yang menyentuh tentang perwarisan harta yang diperkenalkan di Negeri-negeri Selat ialah Ordinan Mohamedan Marriage Ordinance 1880.²³ Undang-undang atau ordinan tersebut mengandungi empat bahagian dengan tiga puluh tiga seksyen. Seksyen 27 Ordinan ini dengan lainnya memperuntukkan sekiranya seorang isteri mati, suami berhak mendapat $\frac{1}{4}$ dari harta peninggalannya dan $\frac{3}{4}$ dibahagikan samarata antara anak-anak. Sebaliknya jika isteri tidak mempunyai anak dan ke bawah, maka suami berhak mempusakai keseluruhan harta tersebut.

Peruntukan-peruntukan sedemikian jelas bertentangan dengan hukum faraid Islam. Antaranya pembahagian samarata antara anak-anak tanpa membezakan antara lelaki dan perempuan, suami dapat mempusakai kesemua harta isteri sekiranya mereka tidak mempunyai anak.

Di dalam seksyen 27 ordinan tersebut juga diperuntukkan bahawa pembahagian pusaka antara suami dan isteri tertakluk kepada undang-undang Inggeris kecuali sekiranya pihak-pihak berkenaan bersetuju untuk mendapat penyelesaian secara Islam.²⁴ Dengan ini mahkamah tidak boleh menghalang persetujuan seperti itu.

Peruntukan berkenaan kekal walaupun Ordinan 1880 itu kemudiannya dipinda melalui *Mohamedan Marriage Ordinance (Amendment) 1894*²⁵ dan seterusnya melalui *Mohamedan Marriage Ordinance 1902*.²⁶ Malah peruntukan berkaitan dengan pusaka dikekalkan seperti sedia kala walaupun telah dimansuhkan dengan *The Mohamedan Marriage Ordinance 1909*²⁷ dan kemudiannya melalui *The Mohamedan Marriage (Amendment) Ordinance 1917*.²⁸ Malah ia juga masih dikekalkan walaupun kesemua ordinan diatas dengan segala pindaannya dimasukkan ke dalam *The Mohamedan Marriage 1920*.²⁹

Hanya apabila Ordinan 1920 itu dipinda melalui *Mohamedans (Amendment) Ordinance 1923*³⁰ barulah peruntukan tersebut ditukar

dengan satu peruntukan lain yang menentukan bahawa penerimaan pusaka antara suami dan isteri hendaklah berasaskan kepada hukum Islam.³¹ Dengan terlaksananya ordinan ini orang-orang Islam di Negeri Selat diberi hak untuk menggunakan undang-undang pusaka Islam dalam urusan perwarisan harta pusaka mereka.

1.2.2 Pentadbiran Pusaka di Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Inggeris sedar penerapan sistem pusaka berdasarkan perundangan Inggeris di Negeri Selat merupakan satu kesilapan dan mendapat penentangan dari kalangan orang-orang sendiri.³² Undang-undang yang hampir sama dengan Ordinan Perkahwinan Islam 1880 juga diperkenalkan di negeri-negeri Melayu Bersekutu. Antaranya *Registration of Muhammadan Marriages and Divorces 1885*³³ yang diperkenalkan di Perak.

Sebelum Perang Dunia II, Inggeris telah memperkenalkan sistem pengurusan harta pusaka yang berasingan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sebagai contoh, di Pahang diperkenalkan Enakmen Probet dan Pentadbiran, No. 10, pada tahun 1900, Selangor (Enakmen Probet dan Pentadbiran, No. 5), Perak (Enakmen Probet dan Pentadbiran, No. 7) dan Negeri Sembilan (Enakmen Probet dan Pentadbiran, No. 9). Enakmen ini sentiasa berlaku pindaan sehingga pada tahun 1920 ia telah ditukar kepada Enakmen Persekutuan Probet.

Namun di dalam sebilangan kes-kes melibatkan perwarisan harta pusaka yang diputuskan, hakim-hakim Inggeris tetap meraikan kedudukan undang-undang Islam sebagai bukan undang-undang yang asing tetapi undang-undang tempatan.³⁴ Selain meraikan kedudukan pihak-pihak yang bertikai yang terdiri daripada orang-orang Islam dan berdomisil di Tanah Melayu. Undang-undang Islam yang bersumberkan mazhab Shafie turut dirujuk di dalam penghakiman mereka.

Hal ini dapat dilihat di dalam penghakiman Kes *Shaik Abdul Latif dan Lain-lain Iwn Shaik Elias Bux*.³⁵ Di dalam kes ini, pertikaian adalah berkaitan dengan kesahan wasiat Almarhum Shaik Balu Bux yang telah mengarahkan harta pusakanya dibahagi sama rata antara anak angkatnya, dua balu dan anak perempuannya. Hakim Innes telah memutuskan oleh kerana di dalam kes ini pembuat wasiat merupakan seorang Islam yang berdomisil di Selangor maka undang-undang Islam harus digunakan. Beliau turut merujuk kepada buku Syed Ameer Ali berjudul Mohammedan Law dan terjemahan Minhaj et-Talibin oleh Howard. Dalam penghakimannya, beliau berkata:

*Di bawah undang-undang Islam seorang mempunyai hak memberi wasiat tidak lebih daripada satu pertiga harta kepunyaannya pada masa ia meninggal dunia. Baki harta pusaka hendaklah diwarisi oleh ahli warisnya melainkan ahli warisnya bersetuju kaedah itu diubah.*³⁶

1.2.3 Pentadbiran Pusaka di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Manakala di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, peranan Penasihat Inggeris banyak mempengaruhi campurtangan di dalam urusan perundangan negeri-negeri tersebut. Misalnya di Kelantan pada tahun 1910 mereka telah membataskan kuasa-kuasa mahkamah yang sedia ada dengan menghadkan bidangkuasanya kepada hal-hal yang berhubung dengan agama Islam dan nikah cerai sahaja. Manakala dalam kes-kes sivil dan jenayah di serahkan kepada mahkamah tanah, mahkamah adat dan mahkamah tinggi yang terdiri daripada hakim-hakim Inggeris bagi membicarakannya.³⁷

Bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu seperti negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah, Johor dan Perlis, kuasa pengurusan dan pembahagian harta pusaka diletakkan di bawah bidangkuasa Majlis Agama Islam atau Mahkamah Kadi negeri masing-masing.

Bagi negeri-negeri lain selain di Tanah Melayu iaitu di Borneo, undang-undang berkaitan dengan pusaka dan wasiat orang-orang Islam pernah diperkenalkan di Sarawak. Ini terkandung di dalam Order of 16 November 1898 dan diikuti oleh *Muhammadan Wills Ordinance*³⁸ dan kemudiannya *The Muslim Wills Ordinance*.³⁹ Manakala *Notification XXIV of October 1915* adalah undang-undang yang paling awal diperkenalkan tentang pusaka ke atas harta orang-orang yang memeluk agama Islam. Ia

kemudiannya diikuti oleh *Muhammadan Converts (Property) Ordinance*.⁴⁰ Ordinan ini kemudiannya digantikan pula oleh *Muslim Converts (Property) Ordinance 1954*.⁴¹

Kemudian selepas Perang Dunia II, pentadbiran pusaka orang-orang Islam telah dipindahkan di bawah bidangkuasa Mahkamah Awam dengan pembentukan Akta Probet dan Pentadbiran 1957 (Akta 57) dan Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan telah diperkenalkan di seluruh Malaysia melalui semakan perundangan tahun 1972.

1.3 Zaman Selepas Kemerdekaan

Sistem ini dilaksanakan berterusan sehingga negara Malaysia mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan Malaysia sekali lagi membawa perubahan kepada sistem pentadbiran pusaka. Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk mengubal undang-undang yang berkaitan dengan hal ehwal agama dan termasuklah perkara yang berkaitan dengan harta orang-orang Islam yang ditafsirkan sebagai harta agama⁴² kecuali bagi orang-orang yang bukan beragama Islam.⁴³

Badan Perundangan Negeri diberi kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan. Ini jelas terdapat dalam Senarai 2, Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan :

"Kecuali mengenai wilayah-wilayah Persekutuan dan Labuan, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta wasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian pembahagian harta dan amanah, bukan khairat, wakaf Islam dan ta'arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat ugama, perlantikan pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian ugama Islam dan khairat, yayasan amanah khairat dan yayasan khairat yang dijalankan kesemua sekali dalam negeri".

Walaupun peruntukan Jadual 9 Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan meletakkan hal-hal perwarisan harta orang Islam secara berwasiat dan tidak berwasiat di bawah senarai negeri dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah, namun ianya tidak selari dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan pada perkara 4(1) (e) Jadual 2 yang meletakkan tanggungjawab pentadbiran pusaka keseluruhannya kepada kerajaan pusat.

Keterbatasan bidang kuasa kerajaan negeri mengenai pentadbiran hartanah negeri juga berlaku melalui kuasa-kuasa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan kerajaan Persekutuan mentadbir dan menyelaras mana-mana undang-undang

mengenai harta tanah di setiap negeri melalui penggubalan Kanun Tanah Negara 1965.

Undang-undang yang dimaksudkan ialah Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959 (No. 97) dan Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (No. 98). Kedua-dua akta ini sedikit sebanyak telah menghadkan kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah dibawah bidangkuasa negeri.

1.4 Pemakaian Akta

Secara jelas, undang-undang utama yang digunakan untuk mengendalikan tuntutan Harta Pusaka di Semenanjung Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga iaitu Akta Probet dan Pentadbiran Pusaka, 1959,⁴⁴ Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian), 1955⁴⁵ dan Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532).⁴⁶

Akta Probet dan Pentadbiran Pusaka 1959 mula dikuatkuasakan pemakaianya di seluruh Semenanjung Malaysia pada 1 Februari 1960. Akta ini memperuntukkan cara-cara untuk mendapatkan surat kuasa Probet (Wasiat) atau Surat Kuasa Tadbir yang mana tuntutan hendaklah dibuat di Mahkamah Tinggi. Akta ini berasal dari Ordinan 1959 (No.35)

yang disemak dalam tahun 1972 dan dikeluarkan pada 26 Oktober 1972 sebagai undang-undang melalui Akta No. 97. Akta semakan ini dikuatkuasakan pada 1 November, 1972.⁴⁷

Manakala Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 pula telah dikuatkuasakan pemakaianya di negeri-negeri Semenanjung Malaysia secara berperingkat-peringkat. Ia diwujudkan bertujuan untuk memudahkan, mengurangkan kos dan mempercepatkan pengendalian dan pemprosesan sesuatu tuntutan pembahagian Pusaka Kecil yang pada keseluruhannya atau sebahagiannya mengandungi harta tak alih (tanah).

Bagi Negeri Kelantan pula tarikh kuatkuasanya pada 1 Disember 1955. Negeri-negeri seperti Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu tarikh kuatkuasanya pada 1 Julai 1957. Sementara itu, bagi negeri Kedah pula pada 1 Ogos 1962, Pulau Pinang pada 23 Disember 1965 dan Melaka pada 30 Disember 1965.

Mengikut ketiga-tiga undang-undang tersebut di atas, pentadbiran harta pusaka boleh diasingkan pula kepada tiga jenis iaitu pentadbiran harta Pusaka Biasa, Harta Pusaka Ringkas Dan Harta Pusaka Kecil.

Harta Pusaka Biasa ialah harta Pusaka yang jumlah nilainya lebih daripada RM 600,000.00 sama ada ianya terdiri daripada harta alih kesemuanya atau harta tak alih kesemuanya atau campuran antara harta

tak alih dengan harta alih. Harta Pusaka Biasa ini diletakkan di bawah bidangkuasa Akta Probet dan Pentadbiran tahun 1959. Permohonan untuk mendapatkan kuasa pentadbiran pusaka ini hendaklah dibuat di Mahkamah Tinggi.

Manakala Harta Pusaka Ringkas ialah harta pusaka yang terdiri daripada harta alih sahaja dan jumlah nilainya buat masa ini tidak melebihi daripada RM 600,000.00.⁴⁸ Pusaka yang termasuk dalam jenis ini ialah harta alih seperti motokar, wang simpanan di bank-bank, KWSP, Tabung Haji, saham dan lain-lain. Bagi pentadbiran Harta Pusaka Ringkas menurut Seksyen 17 Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532), Amanah Raya Berhad diberi kuasa khas untuk mentadbir dan menyelesaikan Pusaka Ringkas ini tanpa membuat permohonan Surat Kuasa Tadbir daripada Mahkamah Tinggi.⁴⁹

Harta pusaka kecil ialah harta yang jumlah nilainya tidak lebih daripada RM 600,000.00 (mula berkuatkuasa pada 1hb. Januari 1989) yang terdiri daripada harta tak alih dan harta alih (tanah) kesemuanya atau terdiri daripada campuran antara harta tak alih dan harta alih. Pembahagian harta pusaka kecil ini adalah mengikut Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Permohonan menyelesaikan Harta Pusaka Kecil ini hendaklah dibuat kepada PPP dengan syarat harta tersebut tidak mengandungi sebarang wasiat.⁵⁰

Semakan terhadap pentakrifan pusaka kecil bermula pada 23 Jun 1972 yang menaikkan nilai pusaka kecil dari RM5,000.00 kepada RM10,000.00. Pindaan-pindaan berikutnya pada 1974 melibatkan kenaikan nilai pusaka kecil menjadi RM 25,000. Pindaan pada tahun 1977 kenaikan nilai ke RM50,000.00 (Akta 399 Pindaan kepada Akta 98 bertarikh 9 Jun 1977), pindaan pada 1979 kenaikan nilai ke RM 300,000.00 (Akta A 533 pindaan 1982 bertarikh 22 Februari 1982) dan pindaan terakhir nilai harta pusaka kecil menjadi RM 600,000.00 (Akta 702) yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1989. Pindaan yang dilakukan terhadap nilai harta pusaka kecil ini adalah mengikut keperluan semasa dan perubahan harga sesuatu harta.

Seksyen 12 (7) Akta Pusaka Kecil (Pembahagian), menyebut bahawa Pegawai Penyelesai Pusaka hendaklah menentukan undang-undang yang dipakai terhadap penurunan harta si mati dan memutuskan bahagian-bahagian dan hak ahli waris masing-masing. Di antara undang-undang tersebut ialah:-

- i) Undang-undang Syariah (Faraid) bagi orang Islam terutamanya prinsip-prinsip umum yang terkandung dalam Surah an-Nisa' ayat 5,7,11,12 dan 176 dan Surah al-Baqarah ayat 282.

- ii) Undang-undang pentadbiran Agama Islam tiap-tiap negeri misalnya undang-undang untuk mendapatkan pengesahan tentang harta sepencarian dan hibah.
- iii) Peruntukan 34, Jadual Ketiga Akta Pusaka Kecil (pembahagian) 1955 yang dipakai bagi Pulau-Pinang dan Melaka.
- iv) Enakmen Pegangan Tanah Adat yang menentukan pembahagian tanah adat di Negeri Sembilan.
- v) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang menghadkan penurunan hak milik kepada seorang ahli waris sahaja⁵¹ mengikut kehendak seksyen 16. Dan jika berlaku perselisihan antara ahli waris maka tanah itu hendaklah dijual dan hasilnya dibahagikan mengikut hukum Syara'.
- vi) Enakmen Rizab Melayu yang memperuntukkan bahawa penurunan milik hanya kepada orang Melayu sahaja. Sedangkan dari segi penurunan hak milik mengikut Syara', suami atau isteri yang bukan Melayu tetapi beragama Islam adalah berhak dari segi Syara' mewarisi puasa dan adalah waris yang sah.

vii) Ordinan Pembahagian Pusaka (Distribution Ordinance, No. 1/1958) yang menentukan cara-cara pembahagian bagi orang yang bukan Islam.

Kesemua undang-undang ini mestilah dirujuk dan diselarikan dengan dasar-dasar perundangan yang terdapat di dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97) dan Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98).

1.5 Undang-Undang Lain Yang Berkaitan

Di samping undang-undang di atas PPP sewajarnya memahami beberapa peruntukan yang terdapat dalam beberapa undang-undang yang berkaitan dengan pewarisan harta peninggalan si mati, antaranya ialah Akta Umur Dewasa 1971 (No.21/1971) Akta Keterangan 1950 (No. 59/1950), Kanun Tanah Negera 1965 (No. 56/1965), Enakmen Cukai Harta Pusaka 1941 (earp 7 KMS 1941), Ordinan Anak Angkat 1952 (No. 41/52), Akta Kesahtaraan Anak 1961 (No. 60/1961), Ordinan Cacat Akal 1952 (No. 31/1952), Akta Pemegang Amanah Raya 1950 atau Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532), Ordinan Wasiat 1959, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan sebagainya yang ada kaitan di dalam urusan pusaka orang-orang Islam.

Umumnya sistem perundangan dan pentadbiran pusaka di Malaysia selepas era kemerdekaan menampakkan masih tidak dapat lari daripada undang-undang yang telah dibentuk semasa Inggeris menjajah. Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955 dan Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 adalah statut utama yang memberi lebih peranan kepada Mahkamah Sivil dan Pejabat Tanah di dalam pentadbiran pusaka orang-orang Islam. Manakala bidangkuasa Mahkamah Syariah hanya terbatas di dalam memutuskan hal-hal yang berkaitan dengan pusaka hanya setakat mana yang diperuntukkan di dalam Jadual Kesembilan Senarai II senarai negeri, Perlembagaan Persekutuan.

Nota Hujung

-
- ¹ Ahmad Ibrahim (Dr) (1965), *Islamic Law In Malaya*. Singapore: MSRI Ltd., hal 246
- ² Kes Shaik Abdul Latif & Ors Iwn. Shaik Elias Bux [1915] 1 FMSLR 204, 221
- ³ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1997), *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, hal. 124.
- ⁴ Rashid Manggis (1982), *Minangkabau – Sejarah Ringkas dan Adatnya*. Jakarta: Penerbit Mutiara, hal. 102.
- ⁵ Abdullah Jumain Abu Samah (1987), "Adat Perpatih dan Adat Temenggong: Suatu Pengkontraksi Teoritis berdasarkan kepada Strukturlisme". Kertas Kerja Seminar Sehari Adat Sebagai Warisan Budaya Bangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 19 Disember 1987, hal.53.
- ⁶ Abdullah Sidik (Dr.) (1975), *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, Kuala Lumpur :Penerbitan Universiti Malaya, hal. 116.
- ⁷ W.J. Wilkinson (1970), " Malay Law " dalam M.B. Hooker (ed.), *Reading in Malay Adat Law*, Singapore : University Press.
- ⁸ E.N. Taylor (1929), *Customary Law of Rembau*, JMBRAS, Singapore: Singapore Malayan Branch, Royal Asiatic Society, hal. 31.
- ⁹ Ibid, hal 59
- ¹⁰ Abdulah Jumain Abu Samah, op.cit..
- ¹¹ Abdullah Sidik, (Dr.) (1980), *Hukum Waris Islam dan Perkembangannya di Seluruh Dunia Islam*, Jakarta: Penerbit Widjaya, hal. 27.
- ¹² Ahmad Ibrahim, op.cit., hal 286
- ¹³ WJ Wilikinson, op.cit., hal. 57.
- ¹⁴ Lihat kes *Re Timah binti Abdullah Decd.* (1941) *M.L.J.* 41
- ¹⁵ Ahmad Ibrahim (1990), "Undang–Undang Islam di Mahkamah Sivil" dalam Al-Ahkam, Jilid I, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 3.

¹⁶ Ahmad Ibrahim (1965), *Islamic Law in Malaya*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd, hal.,246.

¹⁷ Ahmad Ibrahim (1999), *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: MLJ Sdn Bhd, hal 287.

¹⁸ Lihat kes *In the Goods of Abdullah dan Reg. Iwn. Williams* (1835) 2 KY ECC 8, hal. 11.

¹⁹ Ibid.

²⁰ Ibid.

²¹ Ibid.

²² The Supreme Court Ordinance of Straits Settlements, Ordinance No.5 Of 1868

²³ Ordinan Mohamedan Marriage Ordinance, No. 5 Of 1880

²⁴ Ibid., Seksyen 27.

²⁵ Mohamedan Marriage Ordinance (Amendment) 1894, No. XIII Of 1894

²⁶ Mohamedan Marriage Ordinance 1902 No. XXXIV Of 1902

²⁷ The Mohamedan Marriage Ordinance 1909 No. XVII Of 1909

²⁸ The Mohamedan Marriage (Amendment) No. 4 Of 1917

²⁹ The Mohamedan Marriage Ordinance No. 26 Of 1920

³⁰ Mohamedans (Amendment) Ordinance No. 26 of 1923.

³¹ Mahmood Zuhdi, op.cit., hal. 131.

³² Abdul Kadir Muhammad (1997), "Hukum Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia : Satu Tinjauan Ringkas", Jurnal Syariah Jilid 5, Bil. I, Kuala Lumpur:

³³ Mahmood Zuhdi, op.cit., hal. 116

³⁴ Kes *Ramah Iwn. Laton* [1927] 6 FMSLR 18.

³⁵ Kes *Shaik Abdul Latif dan Lain-lain Iwn Shaik Elias Bux.* [1915] 1 FMSLR 204, 221

³⁶ Ibid.

³⁷ Muhammad Husain Khal'i (1971), *Kelantan Dari Zaman ke Zaman*, Kota Bharu: Pustaka Dian, hal. 96 –97.

³⁸ Muhammadan Wills Ordinance, Chap 81 Revised Laws Of Sarawak 1948

³⁹ The Muslim Wills Ordinance, Chap 90 Revised Laws Of Sarawak 1958

⁴⁰ Muhammadan Converts (Property) Ordinance, Chap 82 Revised Laws Of Sarawak 1948

⁴¹ Muslim Converts (Property), No. 15 Of 1954,

⁴² Hj. Wan Mohammad Wan Mustaffa (Dato') (1983), *Pentadbiran Harta Pesaka Orang Islam*. Kertas Kerja Seminar Faraidh Peringkat Kebangsaan di Kuala Lumpur pada 4-5 Julai 1983:, hal. 1

⁴³ Senarai 1(4) (e) (I) dan (ii), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan

⁴⁴ Akta Probet dan Pentadbiran Pusaka, No. 97 Tahun 1959

⁴⁵ Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian), No. 98 Tahun 1955

⁴⁶ Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad, No. 532 Tahun 1995.

⁴⁷ Kamarul Zaman Hj. Habib, *Sistem Pengurusan dan Pembahagian Pusaka khususnya Pembahagian Pusaka Kecil dlm. Undang-Undang dan Pentadbiran harta Pusaka Orang-Orang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Al-Rahmaniah, hal. 120.

⁴⁸ Seksyen 17, Akta 532

⁴⁹ Ibid

⁵⁰ Seksyen 8 (1), Akta No. 97 Tahun 1955

⁵¹ Seksyen 16, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960